

PBD Sejarah T.3 Bab 8.4 Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan Dalam Menangani Cabaran Barat

Nama :

Kelas :

Tarikh :

Padan memadan pernyataan berikut dengan sub tajuk yang ditunjukkan di peta i-Think.

a. Raja-raja Melayu dan pembesar mendesak melalui Durbar dan Majlis Perundangan Persekutuan tentang keperluan pasukan bersenjata yang dianggotai oleh anak watan bagi memelihara kedaulatan dan keselamatan negara.	b. Kebolehan berdiplomasi Raja-raja Melayu dapat mengekalkan institusi raja. British hanya mengambil alih pemerintahan pada peringkat pembesar negeri. Undang-undang yang dilaksanakan oleh British masih perlu memperolehi tandatangan dan cop mohor sultan sebagai pengesahan.	c. Pemodenan dalam pentadbiran dan ekonomi menarik lebih ramai pelabur asing datang ke Johor untuk melabur dalam sektor pertanian komersial seperti gambir dan lada hitam.	d. Walaupun pendidikan khasnya pendidikan wanita dianggap tidak memberikan pulangan ekonomi kepada British, tapi desakan Raja-raja Melayu melalui Durbar membawa kepada penubuhan sekolah-sekolah di negeri-negeri Melayu termasuk sekolah perempuan.
e. Golongan pentadbir Melayu mula muncul pada tahun 1910 di bawah skim Perkhidmatan Tadbir Melayu. Skim ini ditubuhkan untuk melatih orang Melayu menceburkan diri dalam pentadbiran negeri.	f. Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dan Undang-Undang Bagi Diri Terengganu membantutkan cita-cita British untuk meluaskan kuasa ke negeri berkenaan. Di bawah undang-undang tubuh tersebut, pemerintah tidak boleh menyerahkan negeri kepada kuasa asing.		

Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan Dalam Menangani Cabaran Barat



Jawapan :

1.	2.	3.	4.	5.	6.